



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DAYA TAMPUNG DAN TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP KEMUDAHAN SOSIAL DI MUKIM SERENDAH

MOHD FAIZUL BIN MUHAMMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI) (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

DAYA TAMPUNG DAN TAHP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP KEMUDAHAN SOSIAL DI MUKIM SERENDAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial yang sedia ada di Mukim Serendah. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Aspek daya tampung kemudahan sosial dianalisis berdasarkan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). Pensampelan rawak mudah berstrata digunakan untuk memilih seramai 400 orang responden di kawasan Mukim Serendah. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferens. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan daya tampung kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah. Kemudahan sosial yang paling banyak tidak memenuhi piawaian seperti digariskan oleh pihak JPBD adalah di Bukit Beruntung. Hampir kesemua kemudahan pendidikan tadika pula memenuhi piawaian seperti yang digariskan oleh pihak JPBD dan selari dengan pandangan pengguna terhadap daya tampung kemudahan tersebut. Tahap kepuasan pengguna pula menunjukkan kemudahan sosial di Mukim Serendah berada pada tahap sederhana sehingga tahap amat tidak memuaskan. Keputusan ujian khi kuasa dua menunjukkan wujud perbezaan bagi kemudahan pendidikan tadika iaitu ($\chi^2=35.133$, $p<0.05$) dan kemudahan kesihatan iaitu ($\chi^2=8.905$, $p<0.05$). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan terdapat kemudahan sosial yang memenuhi piawaian seperti yang ditetapkan oleh pihak JPBD tetapi dari segi pandangan responden ia tidak mencukupi. Implikasi kajian memperlihatkan bahawa perancangan penyediaan kemudahan sosial perlu mematuhi garis panduan seperti yang telah digariskan oleh pihak JPBD di samping pandangan penduduk juga perlu diambil kira bagi memastikan kemudahan yang akan dilaksanakan dapat memenuhi keperluan penduduk.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v



CARRYING CAPACITY AND CONSUMER SATISFACTION ON THE SOCIAL FACILITIES IN SERENDAH DISTRICT

ABSTRACT

This study aimed to review the carrying capacity and consumer satisfaction of the selected social facilities existing in Serendah District. Survey-based quantitative evaluations were used in this study. The aspects of social facilities were analyzed based on the Community Facilities Planning Guidelines issued by the Town and Country Planning Department of Peninsular Malaysia (JPBD). Stratified simple random sampling was used to select a total of 400 respondents in Serendah District. The data were analyzed using descriptive analysis and inference. The findings show there are differences in the capacity of selected social facilities by the sub-district as low as possible. Bukit Beruntung area has the most social facilities that do not meet the standards of JPBD. Almost all kindergarten educational services did meet the standards set out by JPBD and it's inline with views of the users against the force patch facility. The level of consumer satisfaction shows the social facilities in the sub-district as low as moderate to the extent unsatisfactory. Chi-square test shows that there are differences for kindergarten education services ($\chi^2=35.133$, $p<0.05$) and health facilities ($\chi^2=8.905$, $p<0.05$). In conclusion, this study shows that although there are facilities that meet the standards outlined in terms of respondent views but it was not enough. The implication of the study shows that social facilities must comply with the guidelines of JPBD in addition to the views of the population should also be taken into account to ensure that the facilities will be implemented in the future to meet the needs of the population.





KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI FOTO	xvii



BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Persoalan kajian	8
1.5 Matlamat dan objektif kajian	9
1.6 Skop dan batasan kajian	10
1.7 Kerangka konseptual	12
1.8 Kepentingan kajian	14



**BAB 2 KONSEP DAYA TAMPUNG DALAM ASPEK KEMUDAHAN SOSIAL: SATU SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Definisi daya tampung	20
2.3	Tahap kepuasan pengguna	27
2.4	Kemudahan sosial	29
2.5	Jenis-jenis kemudahan sosial terpilih	33
2.5.1	Kemudahan pendidikan	34
2.5.2	Kemudahan kesihatan	38
2.5.3	Kemudahan keselamatan	41
2.5.4	Kemudahan pusat komuniti	42
2.6	Faktor-faktor yang mempengaruhi daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial	44
2.6.1	Bilangan penduduk	45
2.6.2	Keperluan masyarakat	45
2.6.3	Sosio-ekonomi penduduk	46
2.6.4	Aksesibiliti	47
2.6.5	Kawasan	50
2.7	Garis panduan perancangan kemudahan masyarakat	52
2.7.1	Keperluan garis panduan	52
2.7.2	Peruntukan perundangan dan dasar	54
2.7.3	Piawaian penyediaan kemudahan sosial	54



**BAB 3 KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	59
3.2	Reka bentuk kajian	60
3.3	Keperluan data dan kaedah pengumpulan data	61
3.3.1	Keperluan data	61
3.3.2	Kaedah pengumpulan data	62
3.3.3	Soal selidik	63
3.3.4	Temu bual	64
3.3.6	Data sekunder	69
3.4	Sampel dan kaedah pensampelan	70
3.4.1	Sampel	70
3.4.2	Kaedah pensampelan	71
3.4.3	Kaedah pemilihan sampel	72
3.5	Pembentukan borang soal selidik	76
3.6	Kaedah analisis data	77
3.7	Lokasi kajian	81
3.8	Kesimpulan	86



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	88
4.2	Profil dan taraf sosioekonomi responden	89
4.3	Analisis kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di mukim serendah	94
4.4	Analisis daya tampung kemudahan sosial mengikut piawaian	99
4.4.1	Analisis daya tampung kemudahan pendidikan	99
4.4.1.1	Analisis daya tampung kemudahan tadika	101
4.4.1.2	Analisis daya tampung kemudahan sekolah rendah	104
4.4.1.3	Analisis daya tampung kemudahan sekolah menengah	109
4.4.2	Analisis daya tampung kemudahan kesihatan	113 <small>upsi</small>
4.4.3	Analisis daya tampung kemudahan keselamatan	117
4.4.4	Analisis daya tampung kemudahan pusat komuniti	120
4.5	Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial terpilih sedia ada di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian	123
4.6	Analisis jarak kemudahan sosial berdasarkan piawai	119
4.7	Daya tampung kemudahan sosial berdasarkan pandangan responden	128
4.7.1	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pendidikan	128
4.7.2	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan kesihatan	131
4.7.3	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan keselamatan	135





4.7.4	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pusat komuniti	138
4.7.6	Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial terpilih yang sedia ada mengikut kawasan berdasarkan pandangan responden	139
4.8	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial terpilih yang sedia ada di Mukim Serendah	141
4.8.1	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan pendidikan	142
4.8.2	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan kesihatan	145
4.8.3	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan keselamatan	148
4.8.4	Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan pusat komuniti	151
4.9	Analisis cadangan penambahbaikan kemudahan sosial terpilih	154
4.10	Kesimpulan	160



BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	162
5.2	Perbincangan dan rumusan kajian	163
5.3	Sumbangan kajian	166
5.4	Cadangan penambahbaikan kemudahan sosial terpilih	168
5.5	Kesimpulan	169

RUJUKAN

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Klasifikasi kemudahan awam	31
2.2 Peranan agensi dalam membangunkan kemudahan masyarakat	32
2.3 Agensi bertanggungjawab dalam pembangunan kemudahan masyarakat	33
2.4 Kategori dan kriteria kemudahan kesihatan	40
2.5 Kategori pusat komuniti	42
2.6 Piawaian penyediaan kemudahan sosial	55
3.1 Penentuan sampel menggunakan persampelan berstrata	74
3.2 Senarai subjek yang ditemui bual	76
3.3 Hubungan antara nilai min dengan nilai interpretasi untuk menguji tahap kepuasan responden	79
3.4 Kawasan perumahan di Mukim Serendah	84
4.1 Profil dan taraf sosioekonomi responden mengikut kawasan di Mukim Serendah	90
4.2 Bilangan kemudahan sosial sedia ada terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah	95
4.3 Piawaian semasa penyediaan kemudahan pendidikan	100
4.4 Analisis kemudahan tadika di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian	103
4.5 Analisis kemudahan sekolah rendah (SR) di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian nisbah penduduk	106
4.6 Analisis kemudahan sekolah menengah di Mukim Serendah berdasarkan nisbah penduduk	109





4.7	Analisis kemudahan sekolah menengah (SM) di Mukim Serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian sesi persekolahan dan nisbah sekolah menengah dengan bilangan murid	111
4.8	Analisis kemudahan tadika di mukim serendah mengikut kawasan berdasarkan piawaian nisbah penduduk	112
4.9	Bilangan kemudahan kesihatan mengikut kawasan di Mukim Serendah	115
4.10	Kemudahan keselamatan mengikut kawasan di Mukim Serendah	119
4.11	Analisis kemudahan pusat komuniti sedia ada mengikut piawaian di Mukim Serendah	122
4.12	Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial sedia ada terpilih di Mukim Serendah mengikut kawasan	123
4.13	Jarak kemudahan tadika terpilih dari tempat tinggal responden	125
4.14	Jarak kemudahan sosial terpilih dari tempat tinggal responden	126
4.15	Jarak kemudahan menengah terpilih dari tempat tinggal responden	127
4.16	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pendidikan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah	130
4.17	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan kesihatan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah	133
4.18	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan keselamatan sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah	136
4.19	Pandangan responden terhadap daya tampung kemudahan pusat komuniti sedia ada mengikut kawasan di Mukim Serendah	138
4.20	Analisis keseluruhan daya tampung kemudahan sosial terpilih yang sedia ada mengikut kawasan berdasarkan pandangan responden	140
4.21	Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pendidikan mengikut kawasan di Mukim Serendah	143





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

- | | | |
|------|---|-----|
| 4.22 | Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan kesihatan mengikut kawasan di Mukim Serendah | 146 |
| 4.23 | Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan keselamatan mengikut kawasan di Mukim Serendah | 149 |
| 4.24 | Tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pusat komuniti mengikut kawasan di Mukim Serendah | 153 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka surat

1.1	Kerangka konseptual	13
2.1	Jarak antara kemudahan pendidikan dengan kediaman	49
2.2	Konsep perancangan penyediaan kemudahan masyarakat bagi sebuah subbandar	51
3.1	Formula Slovin	71
3.2	Teknik analisis data kuantitatif dan kualitatif	80
3.3	Kawasan kajian di Mukim Serendah	83
4.1	Taburan kemudahan sosial terpilih berdasarkan peratus keseluruhan kemudahan	96
4.2	Analisis keseluruhan kemudahan sosial terpilih mengikut kawasan di Mukim Serendah	98
4.3	Jumlah kemudahan tadika mengikut kawasan	102
4.4	Jumlah kemudahan sekolah rendah mengikut kawasan	105
4.5	Jumlah kemudahan sekolah menengah mengikut kawasan	108
4.6	Jumlah kemudahan kesihatan mengikut kawasan	115
4.7	Jumlah kemudahan keselamatan polis mengikut kawasan	118
4.8	Perbandingan jumlah peratus antara jenis kemudahan sosial terpilih sedia ada yang memenuhi piawai dengan kemudahan tidak memenuhi piawai mengikut kawasan	124
4.9	Cadangan supaya kualiti kemudahan sosial perlu ditambahbaik	155
4.10	Cadangan supaya kemudahan sosial perlu disediakan berhampiran dengan tempat tinggal	156
4.11	Cadangan supaya lokasi kemudahan sosial perlu diletakkan	157





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

di kawasan yang mempunyai ketersampaian kemudahan pengangkutan awam

- | | | |
|------|---|-----|
| 4.12 | Cadangan supaya taburan kemudahan perlu diseimbangkan dengan jumlah penduduk | 158 |
| 4.13 | Cadangan supaya jumlah kemudahan sosial perlu ditambah mengikut jumlah penduduk | 159 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xvii

SENARAI FOTO

No. Foto**Muka Surat**

4.1	Kemudahan keselamatan di Bukit Sentosa	120
4.2	Kemudahan kesihatan di Bukit Sentosa	132
4.3	Kesesakan pengguna di pusat kemudahan kesihatan di Bukit Sentosa	134
4.4	Kemudahan balai polis di Bukit Beruntung	137
4.5	Kawalan keselamatan di kawasan perumahan di Bukit Sentosa	137



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xviii

SENARAI SINGKATAN

JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor
PPDHS	Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor
RMK 10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SPSS	Statistic Package for Social Science
WTO	World Tourism Organization



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Kemudahan sosial merupakan salah satu elemen penting dalam proses perancangan dan pembangunan negara. Menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), penyediaan kemudahan yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti adalah perlu kerana ianya bukan sahaja menggambarkan perubahan permintaan tetapi juga sebagai indikator pembangunan dan taraf hidup sesuatu masyarakat (Malaysia, 2013b). Isu kekurangan penyediaan kemudahan sosial telah menjadi perkara biasa bagi penduduk luar bandar. Malahan, masalah ini turut dialami oleh penduduk bandar kesan daripada proses pembandaran. Proses pembandaran yang pesat secara langsungnya membawa kepada peningkatan bilangan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



penduduk disebabkan penghijrahan dan pertumbuhan semula jadi terutama di bandar-bandar utama di Malaysia (Wan Rozali, 2007).

Impak peningkatan penduduk telah mempengaruhi permintaan terhadap keperluan kemudahan asas dan kemudahan sosial yang semakin meningkat terutama keperluan kediaman, bekalan air bersih, bekalan elektrik, sistem pembuangan najis, sampah sarap, perparitan, kemudahan kesihatan, ibadah, pendidikan dan rekreasi (Wan Rozali, 2007). Kemudahan sosial merangkumi beberapa sektor seperti kemudahan tanah lapang dan rekreasi, tempat ibadat, pendidikan, kesihatan, bomba, polis, perpustakaan awam, dewan orang ramai dan tanah perkuburan (Malaysia, 2013b). Penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kepada masyarakat tidak harus dipandang mudah kerana penyediaan yang kurang memuaskan boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat keseluruhannya.

Penyediaan dan penawaran yang memuaskan bukan sahaja dikira dari segi bilangannya berasaskan jumlah penduduk tetapi juga dari segi tapak, taburan yang seimbang dan kualiti perkhidmatan serta kesesuaianya dengan masyarakat setempat (Malaysia, 2013b). Hal ini akan dapat memastikan setiap lapisan masyarakat boleh menikmati kemudahan yang disediakan. Kebiasaannya kemudahan masyarakat dilihat oleh pemaju sebagai gunatanah yang tidak menguntungkan. Walau bagaimanapun iaanya dapat menaikkan nilai harta tanah sesuatu kawasan kerana kemudahan ini memberi faedah kepada penduduk dalam kawasan tersebut.





1.2 Latar Belakang Kajian

Penyediaan kemudahan kepada penduduk adalah menjadi tanggungjawab pihak kerajaan bagi memastikan kesejahteraan hidup (*well-being*) setiap rakyat dan tiada di antara mereka yang taraf hidupnya dhaif (Wan Abdul Aziz, 2004). Namun demikian, pihak swasta juga memainkan peranan penting dalam penyediaan kemudahan kepada penduduk. Sektor swasta digalakkan untuk terlibat dalam penyediaan kemudahan masyarakat berasaskan *Corporate Social Responsibility* (CSR), pihak pemaju bertanggungjawab untuk menyedia dan menyumbang tapak manakala pihak kerajaan bertanggungjawab membina dan menyelenggara bangunan kemudahan masyarakat (Malaysia, 2013b).



Antara kemudahan-kemudahan sosial yang sangat penting kepada masyarakat ialah kemudahan pendidikan. Penduduk menjadikan pembangunan pendidikan sebagai kayu ukur kepada peningkatan kualiti hidup mereka pada masa hadapan (Rosniza, 2011). Ini kerana apabila wujud keciciran dalam pembelajaran anak-anak akan dikhuatiri akan mengundang nasib yang sama dengan apa yang berlaku kepada mereka. Kemudahan pendidikan seperti tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah amat diperlukan oleh masyarakat. Masalah yang dihadapi berkaitan kemudahan pendidikan adalah berkaitan dengan penyediaan kemudahan yang terhad. Peningkatan jumlah pelajar akan menyebabkan sekolah terpaksa beroperasi dalam dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai dasar penyediaan kemudahan pendidikan adalah seperti menggalakkan pelajar-pelajar menghadiri sekolah yang terdekat dengan tempat tinggal, sekolah-sekolah menjalankan satu sesi persekolahan sahaja dan saiz kelas adalah untuk 35 pelajar dan





25 murid bagi Tadika (Mohd Faizul *et. al*, 2017). Dalam hal ini, didapati terdapat banyak sekolah yang tidak dapat memenuhi dasar yang ditetapkan Jabatan Pendidikan Negara.

Isu penyediaan kemudahan kesihatan juga merupakan masalah utama kepada masyarakat luar bandar. Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri S. Subramaniam, beliau menyatakan bahawa wad-wad hospital kerajaan pada masa kini terutama di kawasan-kawasan di Selangor, Perak dan Pulau Pinang menghadapi masalah kesesakan ekoran pertambahan penduduk (Utusan Melayu, 2014). Bagi mengatasi masalah tersebut kerajaan perlu menyediakan lebih banyak hospital di kawasan berkenaan. Kemudahan kesihatan kerajaan ini perlu disediakan mengikut keperluan penduduk. Di kawasan luar bandar penduduk mempunyai pelbagai latar belakang



ekonomi. Bagikmereka yang berpendapatan sederhana, kemudahan kesihatan kerajaan amat penting kepada mereka kerana faktor kos yang lebih rendah. Di samping itu, perletakan kemudahan kesihatan juga perlu diambil kira dalam penyediaan kemudahan kesihatan kepada masyarakat. Lokasi hospital yang jauh dari tempat tinggal boleh mendatangkan masalah kepada penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan.

Masalah penyediaan kemudahan-kemudahan sosial yang mencukupi kepada masyarakat ini bertambah rumit disebabkan berlakunya pertambahan penduduk. Pertambahan penduduk yang pesat menyebabkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan penduduk terhadap kemudahan yang disediakan. Pertambahan penduduk yang begitu ramai sudah tentu memerlukan taraf kemudahan sosial yang tinggi. Fatimah & Noraziah (2004), menghuraikan, penunjuk





kesejahteraan isirumah dan keluarga ialah melalui penyediaan prasarana tertentu, yang mana mestilah mencukupi, mudah didapati dan sesuai. Hal ini bagi memastikan keluarga dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera dan tidak meninggalkan kesan-kesan negatif terhadap komuniti setempat, masyarakat dan persekitaran.

Peningkatan jumlah penduduk ini didapati semakin berterusan disebabkan oleh beberapa faktor. Trend peningkatan penduduk ini disebabkan warga kota Bandaraya Kuala Lumpur yang memilih untuk membeli rumah di Mukim Serendah seperti di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa disebabkan faktor harga yang jauh lebih rendah. Menurut Katiman *et. al* (2011), migrasi ke kawasan peri-metropolitan ini dipacu oleh beberapa faktor seperti keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras

yang mahal, dasar kerajaan yang berusaha menyahpusatkan pembangunan ke pinggir dengan menempatkan sebahagian fungsi bandar raya ke pinggir. Faktor lain ialah pembinaan lebuh raya pantas dan pengenalan perkhidmatan komuter juga pengangkutan keretapi aliran ringan yang menghubungkan bandar raya dengan kawasan pinggirannya dan penawaran peluang pekerjaan serta peluang memiliki harta tanah di pinggiran metropolitan.

Faktor-faktor tersebut amat berperanan dalam mempengaruhi pertambahan penduduk di Mukim Serendah. Selain daripada harga rumah yang rendah, Mukim Serendah dihubungkan dengan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS). Ketersampaian yang tinggi ini menyebabkan kawasan tersebut menjadi pilihan kepada mereka yang bekerja di kota metropolitan dan warga yang berhampiran dengannya untuk menetap di Mukim Serendah. Mukim Serendah juga merupakan kawasan perindustrian utama





di Hulu Selangor terutama di Bukit Beruntung dan Sungai Choh. Kewujudan kilang-kilang telah menyediakan peluang pekerjaan kepada warga tempatan dan juga warga asing.

Menurut Yuhaniza (2006), penyediaan kemudahan-kemudahan sosial ini mengambil kira beberapa faktor seperti kualiti, taburan, kemudahsampaian, lokasi dan jumlah kemudahan sosial. Faktor-faktor tersebut perlu diambil kira oleh pihak yang berkenaan dalam merancang sesuatu projek yang akan dilaksanakan untuk memastikan kemudahan-kemudahan sosial tersebut dapat dimanfaatkan oleh penduduk dengan berkesan.



Perubahan jumlah penduduk di Mukim Serendah dikenal pasti sebagai punca yang mempengaruhi daya tampung kemudahan sosial di kawasan berkenaan. Jumlah penduduk yang terlalu ramai menyebabkan kemudahan sosial tidak dapat disediakan dengan secukupnya dan sempurna kepada rakyat. Perubahan penduduk secara drastik ini telah berlaku di setiap penempatan utama yang terdapat di Mukim Serendah. Salah satu kawasan yang mengalami pertumbuhan penduduk yang pesat ialah Bukit Beruntung yang merupakan pusat petempatan yang mengalami pertambahan penduduk yang tertinggi di Negeri Selangor dalam masa 10 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2010 iaitu peningkatan sebanyak 111.56 peratus (Malaysia, 2014). Kawasan ini berfungsi sebagai pusat petempatan yang semakin berkembang dengan lokasi yang berdekatan dengan lebuh raya, pembinaan kompleks perniagaan dengan





peluang pekerjaan yang tinggi terutamanya di kawasan industri automatif di Serendah dan Sungai Choh (Malaysia, 2014).

Sebelum ini, kawasan-kawasan baharu yang terletak di Mukim Serendah seperti Bandar Baru Bukit Beruntung, Bandar Baru Bukit Sentosa dan Bandar Baru Sungai Buaya menjadi seolah-olah bandar mati kerana kawasannya kekurangan penghuni. Bukit Beruntung pada asalnya dibuka untuk menempatkan *Proton City* tetapi ia tidak berlaku atas sebab-sebab tertentu dan ia telah ditukar ke Tanjong Malim (Malaysia, 2011b). Ekoran daripada itu, kawasan tersebut telah dibangunkan dengan pembinaan perumahan-perumahan dan bangunan-bangunan rumah kedai. Memandangkan Bukit Beruntung adalah satu bandar baru dan asalnya lebih kepada bandar automatik, imej dan bandar yang dirancang tidak kelihatan, malah keadaan bangunan kediaman yang uzur akibat terbiar lebih mudah diingati sebagai imej yang agak negatif pada bandar ini (Malaysia, 2011b). Keadaan itu turut dialami oleh bandar-bandar baru yang berhampiran dengannya seperti Bandar Baru Bukit Sentosa dan Bandar Baru Sungai Buaya.

Kawasan-kawasan lain di Mukim Serendah juga berlaku perkembangan jumlah penduduk seperti kawasan Sungai Buaya. Pembinaan persimpangan bertingkat Sungai Buaya yang siap sepenuhnya pada awal tahun 2014 telah mengembalikan pembangunan di Sungai Buaya. Pada tahun 1994, lebih 8,000 orang membeli rumah di Bandar Sungai Buaya (Zulkiflee, 2010). Namun setelah kegagalan projek pembinaan persimpangan bertingkat yang menghubungkan Sungai Buaya dengan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) menyebabkan jumlah penduduk berkurangan dari pada 8,000 kepada 5,000 orang. Persimpangan bertingkat tersebut telah





memudahkan penduduk sekitar Sungai Buaya, Sungai Choh dan utara Rawang yang berjumlah lebih daripada 100,000 orang, terutamanya bagi yang berulang-alik ke ibu kota pada setiap hari.

Di sebalik pembangunan yang kian rancak berlaku di Mukim Serendah, wujud permasalahan terhadap penduduk iaitu isu penyediaan kemudahan-kemudahan sosial. Dalam hal ini, kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada masih lagi pada tahap yang lama dan perkara yang lebih berat lagi apabila kemudahan-kemudahan tersebut tidak diselenggara dengan baik. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini bertujuan mengkaji daya tampung kemudahan-kemudahan sosial yang sedia ada sama ada kemudahan tersebut dapat menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah dengan pesat. Berdasarkan kepada pemerhatian awal didapati kemudahan-



kemudahan sosial yang terdapat pada masa ini didapati tidak mampu untuk memenuhi keselesaan penduduk akibat daripada perkembangan migrasi penduduk ke kawasan tersebut.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab tiga persoalan kajian seperti berikut:

1. Adakah kemudahan sosial yang sedia ada dapat menampung keperluan penduduk?





2. Adakah kemudahan sosial yang terdapat di Mukim Serendah dapat memenuhi kepuasan penduduk?
3. Apakah cadangan bagi penambahbaikan penyediaan kemudahan sosial terpilih di kawasan kajian.

1.5 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat kajian ini dilakukan bertujuan menilai keupayaan daya tampung dan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan sosial terpilih yang disediakan di kawasan kajian. Antara objektif kajian ini adalah:



1. Mengkaji kemudahan sosial dan daya tampung kemudahan sosial terpilih yang ditawarkan di Mukim Serendah,
2. menganalisis tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan-kemudahan sosial terpilih yang ditawarkan di Mukim Serendah,
3. mengemukakan cadangan bagi menambahbaik perancangan penyediaan kemudahan-kemudahan sosial terpilih di kawasan kajian.

